





# Pengurusan Air Pahang Berhad

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : APRIL, 2022  
MEDIA : FIKRAH PAHANG  
BAHAGIAN : WARTA  
MUKA SURAT : 9



www.fikrahpahang.com.my    Fikrah Pahang  FikrahPahangTV

KELUARAN EDISI KE-11: APRIL 2022 | SYAABAN - RAMADAN 1443H WARTA | 9

**LIPIS:** Kerajaan Pahang memperuntukkan kira-kira RM12 juta bagi pembinaan projek Kolam Takungan Hiliran bagi mengatasi masalah air keruh yang sering terjadi di Loji Kuala Medang.

YAB Menteri Besar, Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, apabila siap kelak, ia akan memberi faedah kepada tiga ribu penduduk di enam kampung berhampiran.

Katanya, projek di kawasan dua hektar itu dimulakan pada Disember 2021 dan akan siap sepenuhnya pada November 2022.

"Projek Kolam Takungan Hiliran atau Off River Storage adalah untuk membolehkan air mentah dari sungai berhampiran disalurkan ke satu

kawasan takungan sebelum dibekalkan ke loji rawatan air Kuala Medang untuk diproses..

"Air mentah dari sungai yang ditakung di dalam kolam akan melalui proses pra mendapan secara semulajadi," katanya kepada media selepas majlis pecah tanah bagi pembinaan Kolam Takungan Hiliran di Kuala Medang, pada 4 Mac lalu.

Beliau berkata, apabila siap kelak ia dapat mengatasi isu kekeruhan air melampau

yang menyebabkan loji berkenaan tidak mampu merawat air sehingga terpaksa kerap ditutup.

"Saya berharap melalui kaedah ini, isu masalah loji rawatan air Kuala Medang yang terpaksa dihenti tugas dapat diatasi," katanya.

Wan Rosdy berkata, selain memenuhi keperluan penduduk, kolam takungan loji rawatan Kuala Medang boleh digunakan untuk aktiviti rekreasi dan sukan air.

## Faedah buat tiga ribu penduduk